

**Anteseden Keberkesanan Mekanisme Pengagihan Zakat bagi Keberhasilan
Pembasmian Kemiskinan : Aplikasi Kajian Literatur Sistemik dan ADO**
(*Antecedents of the Effectiveness of Zakat Distribution Mechanisms for Successful Poverty
Alleviation: Application of Systematic Literature Review and ADO Framework*)

Mohd Suffian Mohamed Esa
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hairunnizam Wahid
Universiti Kebangsaan Malaysia

Salmy Edawati Yaacob
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian menjalankan analisis literatur sistematik terhadap mekanisme pengagihan zakat. Metodologi kajian menggunakan model anteseden, keputusan dan hasil (ADO) bagi menstrukturkan ulasan dengan mematuhi protokol PRISMA. Berdasarkan strategi pencarian sistematik, 34 artikel dipilih bagi tempoh 2020 hingga 2024. Dapatan kajian ini memberikan gambaran menyeluruh dan teratur tentang anteseden seperti kemiskinan, krisis, kecekapan dan keberkesanan, serta keputusan meliputi agihan konsumtif, agihan produktif dan inovasi, termasuk keberhasilan dalam konteks mikroekonomi dan makroekonomi terhadap mekanisme pengagihan zakat. Perbincangan kritikal selanjutnya menumpukan kepada topik evolusi, permasalahan, cabaran dan usaha pemerkasaan dalam pelaksanaan pengagihan zakat. Selain itu, kajian turut mengenal pasti jurang literatur yang penting kerana kebanyakannya masih mengabaikan aspek sikap dan tingkah laku sebagai punca utama berlakunya masalah kemiskinan dalam kalangan asnaf. Kajian ini merupakan kajian pertama yang menganalisis literatur berkaitan mekanisme pengagihan zakat dengan menggunakan model ADO serta membincangkan cadangan Teori Paternalisme yang diperluas melalui penambahan dimensi agama dalam program Bantuan Tunai Bersyarat sebagai agenda penyelidikan masa hadapan. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang idea kepada pembuat dasar untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, cabaran dan peluang, serta menentukan amalan terbaik bagi meningkatkan kecekapan serta keberkesanan pengagihan zakat. Kajian ini juga membantu memperkukuh pemahaman terhadap evolusi literatur mekanisme pengagihan zakat serta jurang kajian yang berpotensi untuk diterokai oleh penyelidik.

Kata kunci: Bantuan tunai bersyarat; kemiskinan; model ADO; pengagihan zakat; tingkah laku asnaf

ABSTRACT

This study conducts a systematic literature review on zakat distribution mechanisms. The study applies the Antecedents-Decisions-Outcomes (ADO) model, following PRISMA protocols. Based on a systematic search strategy, 34 articles were selected for the period 2020 to 2024. The study provides an organized overview of the antecedents (poverty, crises, efficiency and effectiveness), decisions (consumptive distribution, productive distribution, innovation), and outcomes (microeconomic, macroeconomic) of zakat distribution mechanisms. Further discussions focus on the evolution, challenges, and empowerment of zakat distribution. The study identifies significant literature gaps, particularly the limited coverage of attitude and behavior issues as primary causes of poverty among asnaf. This is the first study to analyze the literature on zakat distribution mechanisms using the ADO model, suggesting the integration of Paternalism Theory enhanced with religious dimensions in Conditional Cash Transfer programs as a future research agenda. Overall, this study provides policymakers with insights into identifying strengths, weaknesses, challenges, and opportunities, as well as best practices to improve the efficiency and effectiveness of zakat distribution. It also enhances understanding of the evolution of zakat distribution literature and highlights research gaps for further exploration.

Keywords: Conditional cash transfer; poverty; ADO model; zakat distribution; asnaf behavior

JEL: O23, I18

PENGENALAN

Secara amnya, zakat merupakan hasil fiskal Islam yang mampu memberi impak kepada pengurangan kadar kemiskinan, jurang perbezaan pendapatan antara masyarakat serta pembangunan modal insan golongan asnaf sekiranya diuruskan dengan

cekap dan berkesan (Nur Fatin et al. 2020; Suffian et al. 2025). Mekanisme pengagihan zakat merujuk kepada proses dan strategi institusi zakat dalam menyalurkan dana zakat kepada asnaf yang layak. Pengagihan zakat sentiasa mengalami evolusi sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa. Di Malaysia, pengagihan zakat kini terbahagi kepada dua kategori utama iaitu agihan zakat konsumtif dan agihan zakat produktif. Agihan zakat konsumtif merujuk kepada pemberian bantuan secara langsung sepenuhnya kepada asnaf dalam bentuk bantuan sara diri. Sementara itu, agihan zakat produktif pula melibatkan pemberian aset untuk dimanfaatkan atau pemberian modal kepada asnaf untuk dikembangkan (Malaysia 2021). Pengklasifikasian ini dilaksanakan seiring dengan hasrat kerajaan untuk merealisasikan teras utama pelan strategik institusi zakat, iaitu membasmi kemiskinan dalam kalangan asnaf (Maiwp 2021).

Selain itu, kajian literatur menunjukkan bahawa perkembangan positif dalam mekanisme pengagihan zakat terus berlaku sejak tahun 1990-an. Pada peringkat awal perkembangan antara tahun 1990 hingga 2019, kebanyakan kajian menumpukan kepada usaha pemerkasaan institusi dengan membincangkan aspek amalan tadbir urus (Suffian et al. 2018; Sa'adon et al. 2012; Hairunnizam et al. 2014), struktur institusi zakat (Suffian et al. 2018; Sukmana et al. 2017; Hairunnizam et al. 2012) serta prestasi pengagihan zakat (Ellany et al. 2014; Hairunnizam et al. 2017). Seterusnya, perkembangan literatur bagi tempoh 2020 hingga 2024 memfokuskan aplikasi teknologi digital dalam pengagihan zakat (Ahmad et al. 2023; Azizah et al. 2023; Beik et al. 2021) serta inovasi agihan semasa pandemik Covid-19 (Azizah et al. 2023; Sudirman et al. 2021; Zahri et al. 2023). Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh institusi zakat bagi meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengagihan.

Sungguhpun pelbagai transformasi dilaksanakan, masalah kemiskinan masih berlaku malah kian meningkat. Di Malaysia statistik menunjukkan berlaku peningkatan dalam pengagihan zakat serta bilangan asnaf. Sebagai contoh, peningkatan jumlah agihan sebanyak 97% daripada RM71.62 juta (2019) kepada RM140.95 juta (2023) bagi negeri Sabah berlaku kesan pertambahan bilangan penerima zakat (199%) daripada 85,711 orang (2019) kepada 256,615 orang (2023), dengan 46% daripada penerima zakat tahun 2023 merupakan golongan asnaf fakir dan miskin (Jawhar 2024). Hal ini menjadi bertambah buruk berikutan ketidakseimbangan agihan zakat dengan statistik semasa menunjukkan negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai purata hasil zakat bagi seorang asnaf yang paling rendah berbanding negeri lain (Suffian et al. 2023). Statistik ini dengan jelas menunjukkan bahawa mekanisme pengagihan zakat yang dilaksanakan masih kurang berkesan untuk memastikan golongan asnaf keluar daripada belenggu kemiskinan.

Berdasarkan isu dan permasalahan, kajian literatur sistematik mengenai mekanisme agihan zakat penting dilaksanakan untuk menilai kekuatan, kelemahan, cabaran serta amalan terbaik dalam mekanisme sedia ada. Kajian ini membantu pengkaji memahami sejauh mana tahap mekanisme agihan zakat dalam mencapai objektif yang ditetapkan dalam mencapai hasil yang disasarkan. Kajian ini juga berpotensi memberikan pandangan tentang keperluan reformasi atau penambahbaikan terhadap mekanisme tersebut untuk meningkatkan kesan zakat kepada golongan asnaf.

Model ADO (*Antecedents-Decisions-Outcomes*) digunakan dalam SLR (*Systematic Literature Review*) kerana menyediakan kerangka yang komprehensif serta menstrukturkan ulasan mengikut faktor yang mempengaruhi (*antecedents*), mekanisme pengagihan, keputusan yang dibuat (*decisions*) oleh institusi zakat, dan keberhasilan yang dicapai (*outcomes*). Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti faktor yang menghalang atau mendorong keberkesanan agihan, menilai keputusan strategik yang diambil dalam pelbagai konteks serta menilai impak keputusan tersebut terhadap matlamat strategik institusi zakat iaitu pengurangan kadar kemiskinan dan pembangunan asnaf. Model ini juga membantu memahami interaksi antara faktor tersebut dan seterusnya menyumbang kepada cadangan penambahbaikan mekanisme pengagihan zakat yang lebih berkesan. Justeru, objektif keseluruhan kajian ini adalah untuk menilai literatur secara sistematik berhubung mekanisme pengagihan zakat sedia ada. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian akan menjawab persoalan utama iaitu apakah antededen, keputusan dan keberhasilan mekanisme pengagihan zakat sedia ada?

Berdasarkan penelitian mendalam pengkaji terhadap literatur lepas, didapati masih kurang kajian yang mengaplikasikan kajian literatur sistematik bersama kerangka ADO dalam bidang ekonomi Islam (Herjanto et al. 2023). Manakala tiada kajian yang khusus berkaitan dengan zakat. Justeru, keaslian kajian ini terletak kepada penerapan kerangka ADO dalam kajian literatur sistematik berhubung topik zakat.

METODOLOGI

Kajian Literatur Sistematik (SLR) memainkan peranan penting dalam penyelidikan akademik melalui proses mensintesis dan meringkaskan pengetahuan sedia ada berkaitan sesuatu topik. Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh terhadap penyelidikan semasa serta membantu penyelidik mengenal pasti jurang kajian yang memerlukan penerokaan lanjut. SLR turut menyumbang kepada pembangunan teori melalui analisis corak dan perbezaan dalam pelbagai kajian, sekali gus memperkukuh pembentukan kerangka teori yang mantap. Pendekatan komprehensif SLR juga berfungsi untuk mengurangkan pertindihan serta pembaziran dalam usaha penyelidikan, di samping menggalakkan agenda yang lebih berfokus dan penggunaan sumber yang lebih cekap. Keseluruhannya, SLR memperkukuh impak penyelidikan dengan menyediakan pandangan menyeluruh yang menjadi asas kepada penyelidikan masa hadapan serta memajukan perkembangan ilmu dalam bidang berkenaan (Paul et al. 2023).

Dalam mengkaji berkenaan mekanisme pengagihan zakat, penyelidik telah menggunakan rangka kerja yang komprehensif, iaitu Antededen, Keputusan dan Keberhasilan (ADO) (Paul et al. 2018). Menggunakan model ADO berupaya meningkatkan struktur, pembentangan hasil kajian seterusnya impak kajian (Singh et al. 2023). Menurut Paul dan Benito

(2018), kerangka ADO merangkumi tiga komponen yang saling berkaitan: anteseden, keputusan dan keberhasilan (ADO) .

Anteseden merujuk kepada faktor asas, pemacu atau keadaan kontekstual yang mendorong atau menghalang sesuatu entiti untuk membuat keputusan atau tindakan, termasuk motivasi, tekanan institusi, halangan, atau persekitaran yang menyokong kepada sesuatu keputusan. Secara keseluruhan, anteseden mewakili persoalan “mengapa” di sebalik sesuatu tindakan yang diambil. Dalam konteks mekanisme agihan zakat, anteseden sesuai diterjemahkan sebagai faktor asas yang mempengaruhi reka bentuk, pelaksanaan serta pematuhan terhadap program pengagihan zakat sedia ada. Faktor ini termasuklah isu kemiskinan, kecekapan dan keberkesanan program serta mengambil kira krisis atau bencana yang berlaku yang memberi kesan negatif dari sudut sosioekonomi kepada golongan asnaf. Keputusan ialah pilihan atau strategi yang diambil sebagai tindak balas terhadap antecedents tersebut, merangkumi bila, di mana, dan bagaimana sesuatu tindakan dilaksanakan yang mencerminkan apa yang dilakukan sebagai respon kepada pemacu yang dikenal pasti. Akhir sekali, hasil merujuk kepada akibat atau keputusan daripada keputusan yang dibuat, yang boleh bersifat kewangan, tingkah laku, strategik, atau sosial, serta boleh merangkumi kesan yang disengajakan mahupun tidak disengajakan. Dalam konteks kajian ini, kerangka ADO sangat relevan untuk diaplikasikan kerana ia akan memacu kepada struktur ulasan literatur yang komprehensif bagi menjawab persoalan dari sudut kekuatan, kelemahan, cabaran serta peluang dalam perbincangan mekanisme pengagihan zakat serta mengenal pasti agenda penyelidikan masa hadapan.

Pengumpulan data bagi penyelidikan ini mematuhi garis panduan PRISMA (Item Pelaporan Pilihan untuk Kajian Sistematis dan Meta-Analysis) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 (Moher et al. 2010). Pelaksanaan SLR memerlukan pematuhan terhadap piawaian pelaporan yang telah ditetapkan bagi memastikan ketelusan dan konsistensi (Shaffril et al. 2021). Antara pelbagai piawaian yang tersedia, PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis) merupakan yang paling meluas digunakan. Pada asalnya dibangunkan untuk kajian berkaitan kesihatan yang menumpukan kepada RCT (Moher et al. 2010), senarai semak 27 item PRISMA kini telah diadaptasi merentasi pelbagai disiplin, termasuk pendidikan, pembangunan sosial, dan kajian polisi (Shaffril et al. 2021). Kekuatan utamanya terletak pada keupayaan meminimumkan bias melalui pelaporan yang sistematik dan menyeluruh.

Protokol alternatif termasuk RAMESES (Wong et al. 2013), yang sesuai untuk sintesis berasaskan teori dan realiti, serta ROSES (Haddaway et al. 2018), yang direka khusus bagi kajian berasaskan ulasan literatur berbentuk pemetaan. Namun begitu, kedua-duanya kurang memberi penekanan kepada sintesis kuantitatif dan intervensi berasaskan program, menjadikannya kurang sesuai untuk kajian ini.

Sehubungan itu, kajian ini mengadaptasi PRISMA sebagai protokol pelaporan utama kerana rangkanya yang tersusun serta fleksibel, penekanan terhadap aspek meminimumkan bias, serta sokongan teknikal yang kukuh (Moher et al. 2010). PRISMA juga menggalakkan pelaporan mengenai heterogeniti, sekali gus menawarkan gambaran menyeluruh tentang penemuan lepas. Memandangkan ketiadaan piawaian pelaporan khusus bagi zakat atau asnaf, PRISMA menyediakan pilihan protokol yang paling ketat, komprehensif serta boleh dipercayai. Proses PRISMA melibatkan empat peringkat penting iaitu: mengenal pasti, saringan, kelayakan, dan kemasukan. Metodologi ini menjamin proses semakan yang telus dan sistematik (Moher et al. 2010).

MENGENAL PASTI

Proses menjalankan semakan sistematik untuk memilih artikel yang berkaitan dalam kajian ini merangkumi tiga peringkat utama (Moher et al. 2010). Peringkat pertama tertumpu kepada mengenal pasti kata kunci yang sesuai, diikuti oleh pencarian menyeluruh bagi istilah yang berkaitan melalui pelbagai sumber seperti tesaurus, kamus, pandangan pakar serta kajian penyelidikan terdahulu (Shaffril et al. 2021). Pada Ogos 2024, pencarian sistematik yang berstrategi telah dijalankan khusus untuk pangkalan data *Scopus* dan *Web of Science*. Soalan kajian ini dibangunkan menggunakan kerangka PICO (Lockwood et al. 2015), yang merangkumi P (populasi/masalah), I (minat), dan Co (konteks). Dalam kajian ini, populasi ditakrifkan sebagai golongan miskin di peringkat global, minat terletak pada mekanisme pengagihan, manakala konteksnya ialah zakat. Pada peringkat ini, sebanyak 544 artikel telah diperoleh menggunakan kata kunci yang ditetapkan dalam pangkalan data termasuk "zakat", "zakah", "asnaf", "distribut*", "agih" dan "pengagihan".


SARINGAN DATA DAN KELAYAKAN

Pada Tahap 2 protokol PRISMA, artikel yang dikumpulkan telah disaring berdasarkan kriteria kemasukan dan pengecualian (Jadual 1). Seterusnya, saringan dokumen dilaksanakan melibatkan masalah tiada akses serta menggugurkan artikel yang bertindih. Sebanyak 152 artikel kekal untuk penilaian lanjut dalam Tahap 3. Pada peringkat tersebut, artikel yang terpilih dibaca dan dinilai semula dengan teliti. Hanya artikel yang mempunyai kaitan dengan kajian diteruskan ke peringkat kemasukan akhir. Tempoh lima tahun terkini (2020-2024) dipilih bagi memastikan kajian literatur sistematik ini menekankan dapatan yang paling relevan, terkini, dan mencerminkan perkembangan serta jurang pengetahuan semasa (Shaffril et al. 2021). Proses semakan menyeluruh ini membawa kepada pengecualian 118 artikel yang tidak memenuhi kriteria kelayakan dari segi jenis artikel dan kandungan berkaitan topik kajian.

JADUAL 1. Kriteria kemasukan dan pengecualian		
Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Jenis Dokumen	Jurnal	Buku, bab dalam buku, prosiding persidangan
Bahasa	Melayu dan Inggeris	Selain Melayu dan Inggeris
Tempoh Penerbitan	Tempoh 2020-2024	Sebelum 2020
Bidang Matapelajaran	Ekonomi, perniagaan dan sains sosial	Selain ekonomi, perniagaan dan sains sosial

KEMASUKAN

Pada peringkat kemasukan, kandungan setiap artikel disemak dengan teliti bagi memastikan kaitannya terhadap proses sintesis. Pada peringkat akhir, sebanyak 34 artikel dipilih untuk dipertimbangkan (Rajah 1).



RAJAH 1. Carta alir proses pemilihan menggunakan protokol PRISMA
Sumber: Page et al. (2021)

PELAPORAN

Kajian ini menggunakan analisis berasaskan kerangka ADO untuk membentangkan penemuan kajian, mengeluarkan pandangan, mengenal pasti jurang seterusnya mencadangkan agenda penyelidikan masa hadapan (Paul et al. 2018). Analisis dijalankan melalui pendekatan tematik induktif dengan proses pengkodan artikel dilaksanakan dengan semakan silang oleh penulis kedua dan ketiga bagi meminimumkan risiko bias. Penentuan tema mengikut kerangka ADO melalui persetujuan bersama ketiga-tiga penulis dengan mengambil kira definisi konsep antededen, keputusan dan hasil (Paul et al. 2018). Pendekatan ini membolehkan penemuan kajian dibentangkan secara sistematik, mengeluarkan pandangan yang lebih mendalam serta persetujuan bersama semua penulis, mengenal pasti jurang pengetahuan, serta mencadangkan agenda penyelidikan masa hadapan.

PENILAIAN KUALITI

Penilaian kualiti dilaksanakan dengan mengkategorikan kepada tiga tahap kualiti iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh Petticrew & Roberts (2008), hanya kajian yang dinilai pada tahap sederhana atau tinggi dianggap layak untuk dianalisis dengan lebih lanjut. Penilaian kualiti dilakukan bagi menilai ketelitian metodologi setiap artikel, dengan syarat kemasukan memerlukan persetujuan sebulat suara pengkaji bahawa kajian tersebut mencapai sekurang-kurangnya tahap sederhana. Sebarang perbezaan dalam penilaian diselesaikan melalui perbincangan. Hasilnya, sebanyak 21 artikel dinilai berkualiti tinggi dan 13 berkualiti sederhana, menjadikan sejumlah 34 artikel layak untuk ke peringkat seterusnya dalam kajian semakan ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG KAJIAN TERPILIH


Ulasan ini merangkumi 34 kajian penyelidikan terpilih berdasarkan tahun penerbitan, tajuk jurnal, lokasi kajian, anteseden mekanisme pengagihan zakat, kaedah penyelidikan serta jenis data. Berdasarkan keseluruhan maklumat tersebut, ulasan ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh terhadap literatur berkaitan mekanisme pengagihan zakat.

Merujuk kepada anteseden kajian dalam Jadual 2, kebanyakan kajian terdahulu menumpukan perhatian kepada isu kemiskinan sebanyak 16 kajian, diikuti dengan masalah kecekapan dan keberkesanan pengagihan zakat sebanyak 10 kajian serta krisis yang melibatkan pandemik, bencana alam atau krisis kemanusiaan sebanyak 10 kajian. Kemiskinan merupakan isu utama yang mendorong kepada pelaksanaan kajian berkenaan mekanisme pengagihan zakat.

JADUAL 2. Artikel terpilih untuk kajian literatur					
Kajian	Negara	Konteks (Populasi Kajian)	Anteseden		
			Kemiskinan	Kecekapan dan Keberkesanan	Krisis
(Rohani et al. 2022)	Malaysia	Pakar & Amil		/	
(Mohd Afandi et al. 2022)	Malaysia	Asnaf		/	
(Othman et al. 2021)	Malaysia	Institusi zakat	/		
(Zulkifli et al. 2021)	Malaysia	Asnaf	/		
(Khasanah et al. 2023)	Indonesia	Institusi zakat			/
(Akmal et al. 2021)	Indonesia	Asnaf	/		
(Saputra et al. 2024)	Indonesia	Amil, pembayar, Asnaf	/		
(Ibadi et al. 2022)	Indonesia	Amil			/
(Ahmad et al. 2023)	Malaysia	Asnaf		/	
(Santoso et al. 2024)	Indonesia	Asnaf	/		
(Zahri et al. 2023)	Malaysia & Indonesia	Pakar & Asnaf			/
(Azizah et al. 2023)	Indonesia	Pengguna			/
(Roziq et al. 2022)	Indonesia	Pembayar & Amil		/	
(Riyanto et al. 2021)	Singapura	Institusi zakat	/		
(Herianingrum et al. 2024)	Indonesia	Pembayar			/
(Zahid et al. 2020)	Malaysia	Asnaf	/		
(Islam et al. 2023)	Bangladesh	Ulama & pembayar	/		/
(Sudirman et al. 2021)	Indonesia	Amil			/
(Fauziah 2020)	Indonesia	Amil	/		
(Hussain 2021)	United Kingdom & Bangladesh	Asnaf	/	/	
(Zainuddin et al. 2020)	Indonesia	Pemberi maklumat		/	
(Mursal et al. 2023)	Indonesia	Amil			/
(Arwani et al. 2022)	Indonesia	Institusi zakat			/
(Yusup et al. 2021)	Indonesia	Institusi zakat	/		
(Arifin et al. 2021)	Indonesia	Amil & pakar		/	
(Ali et al. 2022)	Malaysia	Asnaf	/		
(Qudah et al. 2022)	Jordan	Agensi ekonomi	/		
(Rini et al. 2020)	Indonesia	Institusi zakat & agensi Kerajaan		/	
(Razak 2020)	Malaysia	Institusi zakat & agensi Kerajaan		/	
(Azhar et al. 2023)	Malaysia	Institusi zakat	/		
(Hulwati et al. 2024)	Indonesia	Amil			/
(Hannani et al. 2023)	Indonesia	Pemimpin agama tempatan, kaum ibu		/	
(Wijayanti et al. 2020)	Indonesia & Brunei	Amil & Asnaf	/		
(Maghfirah 2020)	Indonesia	Amil, Asnaf, pembayar	/		

TAHUN PENERBITAN


Merujuk Rajah 2, bilangan kajian berkaitan mekanisme pengagihan zakat didapati agak seimbang antara tahun 2020 hingga 2023, iaitu antara tujuh hingga lapan kajian. Bagi tahun 2024 (sehingga September), terdapat empat kajian yang diterbitkan. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa topik mekanisme pengagihan zakat merupakan isu penting yang dibincangkan secara konsisten.



RAJAH 2. Bilangan kajian mengikut tahun

KONTEKS POPULASI


Berdasarkan Rajah 3, kajian lepas menunjukkan tumpuan yang lebih banyak diberikan kepada konteks populasi penerima bantuan (asnaf) sebanyak 12 kajian, amil sebanyak 11 kajian, institusi zakat sebanyak lapan kajian, pembayar sebanyak lima kajian, pakar atau ulama sebanyak empat kajian, dan agensi kerajaan sebanyak dua kajian. Sementara itu, selebihnya ialah satu kajian yang melibatkan agensi ekonomi, pemberi maklumat, pemimpin agama tempatan, kaum ibu serta pengguna. Kajian lepas memberi tumpuan kepada penerima bantuan (asnaf), amil, institusi zakat dan pembayar zakat kerana keempat-empat populasi tersebut memainkan peranan penting dalam keseluruhan ekosistem zakat.



RAJAH 3. Konteks populasi kajian

JURNAL PENERBITAN


Seterusnya, sebanyak 30 jurnal telah dipilih sebagai bahan literatur. Empat jurnal mempunyai dua penerbitan, iaitu *Samarah*, *Jurnal Hukum dan Syariah*, *Global Journal Al-Thaqafah* serta *International Journal of Professional Business Review*, manakala baki 26 jurnal lagi hanya mempunyai satu penerbitan (Rajah 4).



RAJAH 4. Bilangan jurnal terlibat

LOKASI KAJIAN


Berdasarkan Jadual 2 dan Rajah 5, kebanyakan kajian berkaitan mekanisme pengagihan zakat dilaksanakan di Indonesia sebanyak 21 kajian, diikuti Malaysia sebanyak 10 kajian, manakala negara lain seperti Bangladesh sebanyak dua kajian serta Brunei, Singapura, Jordan dan United Kingdom masing-masing sebanyak satu kajian.



RAJAH 5. Lokasi kajian

KAEDAH PENYELIDIKAN


Merujuk kepada kategori kaedah penyelidikan (Rajah 6), majoriti kajian mengenai mekanisme pengagihan zakat menggunakan kaedah kualitatif (20 kajian), diikuti oleh kaedah kuantitatif (12 kajian) serta kaedah gabungan (dua kajian).



RAJAH 6. Kategori kaedah penyelidikan

JENIS DATA

Statistik jenis data menunjukkan bahawa majoriti kajian menggunakan data primer sebanyak 18 kajian, diikuti oleh data sekunder sebanyak 10 kajian, serta kombinasi data primer dan sekunder sebanyak enam kajian.




RAJAH 7. Jenis data yang digunakan

ANTESEDEN, KEPUTUSAN AND KEBERHASILAN BAGI MEKANISME PENGAGIHAN ZAKAT

Bahagian ini mensintesis dan menggabungkan maklumat yang diperoleh daripada kajian literatur sistematik mekanisme pengagihan zakat yang berkaitan dengan isu kemiskinan, masalah kecekapan dan keberkesanan pengagihan zakat serta krisis kemanusiaan. Isu-isu ini memberi kesan terhadap keputusan dalam reka bentuk mekanisme pengagihan zakat yang boleh

dibahagikan kepada pengagihan konsumtif, produktif dan inovatif. Berdasarkan model ADO (Rajah 8) serta sampel kajian (Jadual 2), kajian ini melaksanakan sorotan terhadap cara mekanisme pengagihan zakat yang dibangunkan membawa kepada hasil (*outcome*) dari sudut makroekonomi dan makroekonomi.



RAJAH 8. Kerangka ADO mekanisme pengagihan zakat

ANTESEDEN (A)

KEMISKINAN

Kemiskinan merupakan isu utama yang menjadi asas kepada kajian tentang mekanisme pengagihan zakat (Maghfirah 2020; Riyanto et al. 2021; Santoso et al. 2024; Saputra et al. 2024; Wijayanti et al. 2020; Yusup et al. 2021). Berdasarkan kajian terdahulu, statistik menunjukkan bahawa masalah kemiskinan memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak, khususnya dalam kalangan umat Islam (Maghfirah 2020). Sebanyak 465 juta penduduk di negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) tergolong dalam status kemiskinan pelbagai dimensi (Wijayanti et al. 2020). Di Indonesia, masalah kemiskinan yang semakin serius turut memberi kesan terhadap jurang pendapatan yang tinggi antara golongan masyarakat (Yusup et al. 2021). Sementara itu, di Bangladesh, seramai 16.5 juta penduduk kehilangan punca pendapatan dan menjadi miskin semasa pandemik Covid-19 (Islam et al. 2023). Justeru, penyelesaian isu ini memerlukan mekanisme pengagihan zakat yang berkesan bagi membantu masyarakat Islam keluar daripada kemiskinan.

Di Malaysia, antara punca utama berlakunya isu kemiskinan ialah sikap dan tingkah laku sebahagian golongan asnaf. Golongan ini cenderung berasa selesa dengan status asnaf, kurang produktif, malas bekerja serta mengabaikan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan menurut ajaran Islam (Zahid et al. 2020). Situasi di Singapura pula lebih mencabar apabila masyarakat Melayu beragama Islam sering dilabel sebagai pemalas dan memiliki penguasaan ekonomi yang rendah (Riyanto et al. 2021). Sementara itu, di Indonesia, kajian lepas menunjukkan masalah kemiskinan berpunca daripada golongan usahawan asnaf yang terlalu bergantung pada operasi perniagaan semata-mata untuk menampung keperluan harian (Santoso et al. 2024). Keadaan ini menjadi lebih serius apabila golongan petani turut menghadapi ketidakstabilan kewangan disebabkan kekurangan akses terhadap pendidikan dan kemahiran, kekurangan maklumat terperinci tentang harga, pasaran, teknologi serta keadaan iklim, selain bantuan yang diterima tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas dan aktiviti pertanian (Saputra et al. 2024).

KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN

Selain isu kemiskinan, kajian terdahulu turut meneliti masalah kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan institusi zakat (Hannani et al. 2023; Mohd Afandi et al. 2022; Zainuddin et al. 2020). Di Indonesia, masalah ini berlaku kerana pihak institusi zakat tidak memberi tumpuan terhadap program ekonomi untuk kelompok utama komuniti yang menjalankan aktiviti perniagaan dari rumah, termasuk peniaga, petani, penternak dan usahawan mikro di Aceh (Zainuddin et al. 2020). Selain itu, kekurangan kerjasama strategik antara institusi zakat dengan agensi kerajaan serta pihak korporat memberi kesan terhadap tahap kecekapan dan keberkesanan dalam operasi pengagihan zakat (Rohani et al. 2022). Peranan aktif institusi zakat amat penting untuk mengurangkan jurang antara potensi pengagihan zakat dan keadaan sebenar (Rini et al. 2020).

Seterusnya, dasar pengagihan zakat yang menumpukan kepada agihan secara konsumtif menyebabkan peruntukan bagi pembangunan modal insan golongan asnaf menjadi terhad (Arifin et al. 2021). Kesannya, faedah yang diterima oleh golongan asnaf hanya dapat dirasai dalam tempoh jangka pendek. Di Malaysia, pengagihan zakat yang kurang berkesan telah menimbulkan isu terhadap tahap kepuasan pembayar zakat (Ahmad et al. 2023). Keadaan menjadi lebih serius apabila program pengagihan zakat kepada usahawan asnaf tidak dipantau serta tidak dinilai dari aspek keberkesanan. Situasi tersebut mengakibatkan hanya sebilangan kecil usahawan asnaf berjaya keluar daripada kemiskinan, manakala majoriti golongan berkenaan masih kekal bergantung pada bantuan zakat (Mohd Afandi et al. 2022).

KRISIS

Perbincangan kajian lepas turut menumpukan peranan zakat dalam membantu meringankan beban masyarakat Islam akibat pandemik Covid-19, bencana alam dan krisis kemanusiaan (Azizah et al. 2023; Hulwati et al. 2024; Ibadi et al. 2022). Pandemik Covid-19 memberi impak besar kepada seluruh dunia dari aspek ekonomi. Peningkatan kadar kemiskinan berlaku kerana sebahagian besar aktiviti ekonomi terpaksa dihentikan. Keadaan tersebut menyebabkan 70 peratus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Indonesia menghentikan pengeluaran manakala 63 peratus lagi terpaksa memberhentikan pekerja. Kesan berterusan pandemik turut mengakibatkan 90 peratus PMKS menghadapi masalah aliran tunai (Azizah et al. 2023). Di Bangladesh, kadar kemiskinan meningkat daripada 20.10 peratus kepada 30 peratus, dengan seramai 16.5 juta orang kehilangan pekerjaan, kebanyakannya terdiri daripada pekerja berpendapatan rendah seperti penarik beca, penjual dan golongan buruh kesan wabak pandemik Covid-19 (Islam et al. 2023). Dalam jangka panjang, keadaan tersebut turut menjejaskan kutipan hasil zakat. Di Indonesia, pandemik Covid-19 menyebabkan penurunan bilangan pembayar zakat yang akhirnya menurunkan jumlah kutipan hasil zakat. Akibatnya, sebahagian pembayar zakat bertukar status menjadi penerima zakat (Arwani et al. 2022).

Di Indonesia, risiko berlakunya bencana alam seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, tsunami dan letusan gunung berapi adalah tinggi. Pada tahun 2018, jumlah kejadian bencana alam mencatatkan 1,113 kejadian puting beliung, 871 kejadian banjir, 527 kejadian kebakaran serta 28 kejadian gempa bumi. Kajian lepas menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan penting dalam membantu mengurangkan beban masyarakat akibat bencana dengan menyediakan bantuan berbentuk perlindungan, pencegahan dan aktiviti pemulihan (Hulwati et al. 2024).

Akhir sekali, jenayah pemerdagangan manusia turut menjadi fokus dalam perbincangan kajian lepas. Menurut Ibadi et al. (2022), statistik pada tahun 2018 menunjukkan seramai 1,154 warganegara Indonesia menjadi mangsa kes pemerdagangan manusia. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa golongan mangsa layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf ar-riqab (hamba).

KEPUTUSAN (D)

AGIHAN KONSUMTIF

Agihan zakat berbentuk konsumtif merupakan bentuk agihan tradisional yang telah dilaksanakan sejak dahulu. Bentuk agihan ini penting dalam menyediakan bantuan sara diri secara langsung kepada golongan asnaf (Zainuddin et al. 2020). Walau bagaimanapun, mekanisme pengagihan zakat telah mengalami perubahan, antaranya disebabkan oleh pandemik Covid-19 (Islam et al. 2023). Keperluan terhadap bekalan makanan, bantuan kepada anak yatim dan topeng muka merupakan bentuk bantuan utama sepanjang tempoh pandemik (Mursal et al. 2023). Mekanisme pengagihan zakat juga berbeza ketika berlakunya bencana alam. Di Lombok, Indonesia, bantuan zakat diberikan dalam pelbagai bentuk seperti barangan runcit, pembinaan masjid dan tandas awam serta bantuan kemanusiaan dan perubatan. Situasi ini menunjukkan bahawa mekanisme bantuan zakat konsumtif mengambil kira keperluan golongan asnaf mengikut keadaan dan masa tertentu, contohnya ketika pandemik dan bencana alam (Hulwati et al. 2024).

Perbincangan mengenai bentuk pengagihan zakat konsumtif turut menumpukan kepada mekanisme bantuan tunai tanpa syarat (*unconditional cash transfer*, UCT) di United Kingdom (Hussain 2021). Kajian ini mencadangkan UCT sebagai bentuk bantuan utama kerana memberikan pelbagai manfaat ekonomi seperti peluang untuk melaburkan lebihan bantuan, fleksibiliti dalam perbelanjaan, pengurangan lebihan bantuan lain seperti pembaziran makanan serta peningkatan kuasa beli penerima bantuan. Keunikan pengagihan zakat boleh dibahagikan mengikut situasi yang dialami oleh masyarakat tersebut dan disesuaikan dengan keperluan komuniti asnaf di kawasan berkenaan.

AGIHAN PRODUKTIF

Program pengagihan zakat produktif memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan golongan asnaf serta membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan. Melalui program pembangunan ekonomi asnaf, kebanyakan institusi zakat di peringkat global melaksanakan pelbagai inisiatif bantuan keusahawanan (Arwani et al. 2022; Santoso et al. 2024). Program pengagihan zakat produktif turut dilaksanakan dalam pelbagai bentuk yang melibatkan penyertaan usahawan asnaf. Di Indonesia, antara program zakat produktif yang diperkenalkan merangkumi program motivasi keusahawanan, peningkatan kompetensi dan kebajikan asnaf melalui intervensi model perniagaan Islam (Santoso et al. 2024). Selain itu, mekanisme pengagihan zakat produktif oleh institusi zakat di Pekalongan, Indonesia dilaksanakan secara lebih menyeluruh. Program bantuan keusahawanan pula menyediakan pelbagai bentuk sokongan seperti bimbingan dan pemerkasaan, pemantauan dan penilaian, penyeliaan serta bantuan modal perniagaan (Arwani et al. 2022).

Wabak Covid-19 yang melanda dunia turut memberi kesan terhadap kedudukan ekonomi dalam kalangan usahawan asnaf. Kajian oleh Sudirman et al. (2021) mencadangkan penambahbaikan terhadap program zakat produktif yang dilaksanakan oleh institusi pengurusan zakat di kawasan Jawa Timur, Indonesia semasa pandemik. Bagi menyokong penambahbaikan tersebut, Zahri et al. (2023) mencadangkan agar pinjaman mikro berasaskan kontrak Al-Qard diperkenalkan kepada usahawan asnaf dengan menggunakan sumber zakat bagi mengelakkan mereka terjebak dalam masalah riba serta kesukaran memperoleh pembiayaan daripada institusi perbankan. Selain aspek ekonomi, pengagihan zakat

produktif turut menumpukan kepada pembangunan pendidikan seperti pemberian biasiswa kepada anak-anak yang masih bersekolah atau melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Bantuan dalam kategori ini turut dilaksanakan di beberapa negara termasuk Malaysia, Indonesia dan Singapura (Mursal et al. 2023).

Perbincangan tentang pengagihan zakat produktif turut mencadangkan supaya belanjawan dana bagi program pengagihan produktif ditambah (Akmal et al. 2021). Strategi yang dilaksanakan bertujuan memastikan matlamat pembasmian kemiskinan dalam kalangan asnaf dapat dicapai dengan cekap dan berkesan.

INOVASI

Inovasi merujuk kepada proses memperkenalkan kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baru bagi meningkatkan keberkesanan, kecekapan, dan daya saing. Perbincangan mengenai inovasi pengagihan oleh institusi zakat turut menjadi topik utama dalam kajian lepas. Di Malaysia, kajian terdahulu mencadangkan penambahbaikan kecekapan dalam bidang operasi utama pengurusan zakat, termasuk fungsi sumber manusia, pembangunan produk, kewangan, aktiviti penyelidikan serta pemasaran (Othman et al. 2021; Zulkifli et al. 2021).

Selain penambahbaikan struktur organisasi, inovasi berasaskan teknologi juga turut dibangunkan oleh pihak institusi zakat (Ahmad et al. 2023; Azizah et al. 2023; Riyanto et al. 2021; Sudirman et al. 2021). Antara cadangan penting yang dilaksanakan ialah pembangunan aplikasi perbankan internet di Malaysia bagi memudahkan pembayaran bantuan kewangan secara segera kepada golongan penerima (Ahmad et al. 2023), pembayaran zakat, infak dan sedekah di Indonesia secara dalam talian (Riyanto et al. 2021), penggunaan media digital bagi mempromosi produk usahawan asnaf di Indonesia (Azizah et al. 2023) serta mobiliti untuk penghantaran produk asnaf ketika pandemik Covid-19 di negara Indonesia melalui aplikasi Go Food dan Grab Food (Sudirman et al. 2021).

Di samping itu, banyak kajian lepas turut membincangkan keputusan atau intervensi dalam bentuk pembinaan model pengagihan dan pembangunan asnaf. Di negeri Selangor, pihak Lembaga Zakat Selangor menyediakan program pembangunan insan dengan menekankan aspek spiritual sebagai teras penting yang perlu dihadiri oleh penerima bantuan sebelum menerima bantuan berbentuk material. Program ini bertujuan mengubah sikap dan tingkah laku asnaf kepada lebih positif serta berdaya saing (Zahid et al. 2020). Berbeza dengan di Indonesia, kajian oleh (Roziq et al. 2022) mencadangkan inovasi model pengurusan dana sosial Islam produktif melalui gabungan pengagihan zakat, infak dan sedekah kepada golongan layak bagi memastikan bantuan yang diterima mencukupi. Di negara yang sama, kajian oleh (Maghfirah 2020) mencadangkan inovasi berbentuk pengklasifikasian kumpulan sasaran penerima bantuan kepada dua kategori iaitu Mustahiq Khiyariah, kumpulan asnaf yang sihat tubuh badan tetapi miskin kerana malas berusaha serta bergantung kepada bantuan zakat, manakala Mustahiq Jabariah merupakan golongan asnaf yang tidak mampu bekerja akibat sakit kronik, kurang upaya dan warga emas. Pengklasifikasian ini penting bagi menentukan golongan yang benar-benar layak menerima bantuan zakat serta memastikan pengagihan dilaksanakan dengan optimum. Kajian (Ibadi et al. 2022) pula mencadangkan aspek hukum syariah dikaji semula berhubung keperluan mangsa pemerdagangan manusia menerima zakat di bawah kategori asnaf Ar-riqab. Justifikasi cadangan menyatakan mangsa pemerdagangan manusia merupakan hamba moden yang memerlukan pembebasan dan bantuan.

KEBERHASILAN (O)

MIKROEKONOMI

Impak mikroekonomi membincangkan berkaitan peningkatan pendapatan isi rumah, pengurangan kemiskinan isi rumah asnaf, sokongan keusahawanan kecil, serta transformasi individu asnaf kepada pembayar zakat. Menerusi mekanisme pengagihan zakat sedia ada, antara keberhasilan penting yang dijangka ataupun telah diperoleh berkaitan impak mikroekonomi merangkumi pelbagai aspek. Secara umumnya, pengagihan zakat mampu mengurangkan masalah kemiskinan dalam kalangan isi rumah golongan asnaf melalui peningkatan pendapatan daripada bantuan diterima. Bantuan zakat meringankan beban kos sara hidup, memenuhi keperluan perbelanjaan isi rumah, pendidikan anak-anak, selain membolehkan simpanan untuk keperluan masa hadapan (Arwani et al. 2022). Selain itu, keberhasilan utama memfokuskan misi institusi zakat untuk mengubah golongan asnaf daripada penerima kepada pembayar zakat melalui program pembangunan pendidikan dan bantuan perniagaan (Zahri et al. 2023; Zulkifli et al. 2021). Model pembangunan asnaf yang komprehensif juga berpotensi meningkatkan produktiviti serta kebajikan usahawan asnaf (Saputra et al. 2024). Peningkatan pendapatan asnaf melalui keusahawanan dan bantuan zakat produktif seterusnya meningkatkan kuasa beli golongan asnaf (Azizah et al. 2023). Tambahan lagi, keuntungan daripada perniagaan menjadi nilai tambah kepada sumber hasil zakat yang baru (Herianingrum et al. 2024). Selain itu, pengagihan zakat yang efektif turut memberi impak kepada penurunan jurang kekayaan dalam masyarakat, membantu menghadapi kos sara hidup yang sentiasa meningkat serta meringankan beban semasa krisis ataupun bencana alam melalui bantuan makanan, keperluan harian, dan pembinaan rumah yang musnah (Razak 2020).

Walau bagaimanapun, impak negatif mekanisme pengagihan zakat sedia ada masih wujud. Dalam konteks bantuan keusahawanan, sebahagian besar asnaf gagal memanfaatkan bantuan modal yang diberikan kerana membelanjakannya untuk tujuan konsumtif. Keadaan ini menyebabkan perniagaan yang diusahakan tidak berkembang pesat, malah hanya aktif untuk

tempoh jangka masa yang singkat (Saputra et al. 2024). Akhirnya, mereka tidak berjaya dalam perniagaan dan masih kekal dengan status asnaf.

MAKROEKONOMI

Impak makroekonomi zakat merangkumi pertumbuhan ekonomi, kestabilan sosial, peningkatan pembangunan insan, pengurangan jurang kekayaan serta pengurangan kadar kemiskinan agregat golongan asnaf. Dari perspektif makroekonomi, pengagihan zakat memberikan pelbagai impak. Antara lain, mekanisme zakat yang berkesan mampu meningkatkan pembangunan sosioekonomi ummah serta pertumbuhan ekonomi negara, sekali gus berpotensi mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) (Ali et al. 2022; Qudah et al. 2022). Di Indonesia, mekanisme pengagihan zakat kini menumpukan kepada zakat produktif dengan meningkatkan peruntukan fiskal untuk pembangunan ekonomi daripada 15 peratus kepada 18 peratus, manakala bantuan pendidikan bertambah daripada 20 peratus kepada 31 peratus bagi tempoh 2015 hingga 2016 (Akmal et al. 2021). Keberhasilan pengagihan zakat juga menyumbang kepada peningkatan Indeks Pembangunan Insan dan kesan pengganda, hasil penglibatan asnaf secara produktif dalam pasaran tenaga kerja serta aktiviti keusahawanan (Akmal et al. 2021; Zahri et al. 2023).

Perbincangan kajian lepas turut menumpukan kepada keberhasilan pengagihan zakat kepada kumpulan sasaran tertentu. Sebagai contoh, kajian oleh Azhar et al. (2023) menunjukkan negeri Sabah menyalurkan sejumlah besar dana zakat kepada golongan fakir. Kesannya, kadar kemiskinan di negeri ini menurun secara signifikan daripada lapan peratus pada 2012 kepada empat peratus pada 2014. Berbeza pula di Indonesia, kajian oleh Khasanah et al. (2023) mendapati pengagihan zakat diberi keutamaan kepada penerima bantuan kesihatan dan kemanusiaan ketika bencana alam berlaku. Hasilnya, pengagihan zakat mampu memberikan pelbagai impak ekonomi, sosial dan alam sekitar kepada komuniti terkesan melalui bantuan kewangan dan keperluan harian, sokongan psikososial serta pembinaan semula infrastruktur (Hulwati et al. 2024).

PERBINCANGAN DAN AGENDA PENYELIDIKAN MASA HADAPAN

EVOLUSI PENAMBAHBAIKAN MEKANISME PENGAGIHAN ZAKAT

Pengagihan zakat telah melalui pelbagai evolusi sejak zaman para sahabat, era kegemilangan tamadun Islam sehingga kini. Antara evolusi penting dalam mekanisme pengagihan zakat pada zaman moden adalah pengkorporatan institusi zakat (Ellany et al. 2014; Hairunnizam et al. 2017). Proses ini telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengagihan zakat serta memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap kualiti pengagihan zakat (Hairunnizam et al. 2014).

Seterusnya, evolusi terus berkembang dengan penggunaan teknologi kewangan dalam era digital. Pindahan bayaran bantuan kini dilaksanakan melalui aplikasi perbankan internet dan e-dompet untuk memastikan golongan asnaf menerima bantuan dengan segera (Ahmad et al. 2023). Pelaporan pengagihan zakat pula dapat dijalankan secara masa nyata melalui aplikasi mudah alih, portal atau laman web bagi memastikan ketelusan pengagihan oleh institusi zakat (Saad et al. 2023).

Kini, institusi zakat turut memperkasakan mekanisme pengagihan zakat melalui pengklasifikasian pengagihan zakat kepada kategori konsumtif dan produktif. Di Malaysia, bentuk pengagihan ini turut mendapat perhatian pihak Jabatan Akauntan Negara dengan membangunkan standard pelaporan penyata kewangan institusi zakat (Malaysia 2021). Pengklasifikasian ini penting untuk memastikan matlamat bersepadu pengagihan zakat dapat direalisasikan melalui pengagihan zakat konsumtif bagi menampung keperluan harian serta pengagihan zakat produktif untuk meningkatkan produktiviti asnaf dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Secara keseluruhan, evolusi mekanisme pengagihan zakat daripada pengkorporatan institusi, adaptasi teknologi kewangan hingga pengklasifikasian agihan konsumtif dan produktif menunjukkan proses pemodenan yang sejajar dengan tuntutan semasa tanpa meninggalkan prinsip asas syariah. Dari sudut teori maqasid al-shariah, penambahbaikan ini memperkukuh matlamat utama zakat iaitu menjaga seluruh aspek kehidupan (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) dengan menampung keperluan asas asnaf (konsumtif) serta menggalakkan pembangunan diri dan produktiviti (produktif). Namun, jurang kajian masih wujud dalam aspek intervensi program yang berupaya membentuk perubahan tingkah laku positif golongan asnaf seperti peningkatan produktiviti serta daya saing (Suffian et al. 2025).

Tanpa perubahan tingkah laku yang mampan, keberkesanan zakat produktif mungkin terbatas hanya kepada peningkatan hasil jangka pendek atau tiada perubahan. Hal ini sejajar dengan kerangka teori paternalisme yang menekankan keperluan campur tangan berstruktur bagi membimbing penerima bantuan membuat keputusan yang lebih baik untuk kepentingan jangka panjang mereka. Oleh itu, penggabungan perspektif maqasid al-shariah dengan prinsip paternalisme dapat membuka ruang kajian baharu bagi merangka intervensi zakat yang bukan sahaja memenuhi keperluan material, tetapi juga menyokong perubahan tingkah laku asnaf ke arah peningkatan daya saing dan kesejahteraan yang lestari.

ISU DAN CABARAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

Sungguhpun pelbagai inovasi telah dilaksanakan, masalah kecekapan dan keberkesanan pengurusan agihan zakat masih terus berlaku. Antara isu utama adalah tumpuan agihan zakat sedia ada kepada bentuk konsumtif. Hal ini berlaku kerana majoriti penerima bantuan terdiri daripada golongan fakir dan miskin yang memerlukan bantuan sara diri (Jawhar 2024). Peningkatan pengagihan zakat konsumtif juga berpunca daripada sikap pasif dan kurang usaha sebahagian golongan asnaf.

Kesannya, sebahagian besar peruntukan belanjawan zakat digunakan untuk bantuan konsumtif. Buktinya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengagihkan sebanyak RM732.45 juta (99%) bagi agihan zakat konsumtif pada tahun 2021 (Maiwp 2021).

Selain itu, program pembangunan asnaf menghadapi masalah kerana tidak melaksanakan pemantauan dan penilaian terhadap prestasi program agihan zakat (Hidayatullah et al. 2018). Pemantauan dan penilaian penting bagi memastikan bantuan diagihkan mengikut keperluan kumpulan sasaran serta keberhasilan yang dirancang dapat dibandingkan dengan pencapaian sebenar (Prennushi et al. 2002). Kelemahan ini menyebabkan pengurusan zakat gagal mengenal pasti punca kegagalan program agihan produktif, contohnya dalam bidang keusahawanan. Di samping itu, isu lain yang wajar diberi perhatian adalah kompetensi dan beban kerja pegawai dalam melaksanakan pengagihan zakat secara berkesan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa masalah integriti, ilmu, kemahiran dan profesionalisme merupakan cabaran utama dalam pengurusan amil zakat (Rahman et al. 2024). Beban kerja yang terlalu tinggi juga mengganggu fokus amil untuk memantau program agihan produktif dengan berkesan (Arwani et al. 2022).

Matlamat pembasmian kemiskinan turut terbantut semasa pandemik Covid-19, dengan kadar kemiskinan meningkat dengan ketara, seperti yang berlaku di Bangladesh dan Indonesia, masing-masing melibatkan 16.5 juta dan 27.5 juta orang (Islam et al. 2023; Sudirman et al. 2021).

Selain itu, kajian lepas kurang menumpukan perhatian terhadap isu sikap dan tingkah laku golongan asnaf. Masalah tingkah laku seperti sikap selesa dengan status asnaf, gemar berehat di rumah serta kurang produktif berlaku (Zahid et al. 2020), manakala masalah lebih serius melibatkan penjualan peralatan bantuan dan penipuan terhadap institusi zakat untuk terus menerima bantuan (Jaafar 2023). Perubahan sikap dan tingkah laku positif sangat penting bagi membentuk pembangunan modal insan individu. Kajian oleh Wijayanti et al. (2020) menunjukkan keazaman dan keinginan kuat golongan asnaf untuk berusaha keluar daripada kemiskinan merupakan faktor utama kejayaan transformasi individu tersebut. Perubahan sikap dan tingkah laku positif golongan asnaf memerlukan kaedah intervensi yang lebih berkesan. Intervensi sedia ada yang dilaksanakan oleh institusi zakat berbentuk sukarela, seperti menghadiri program kerohanian, motivasi dan kemahiran bekerja, masih kurang memberi impak terhadap perubahan sikap dan tingkah laku majoriti asnaf. Justeru, mekanisme yang lebih berkesan dan terbukti secara empirikal bagi memberi kesan terhadap perubahan sikap dan tingkah laku individu perlu dibangunkan.

PEMERKASAAN MEKANISME PENGAGIHAN ZAKAT

Pengurusan zakat perlu sentiasa dipertingkat bagi memastikan mekanisme pengagihan zakat dilaksanakan secara beretika, ekonomik, efisien dan efektif. Antara penambahbaikan yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat ialah membangunkan pengagihan zakat berdasarkan keperluan, berbanding dengan menyediakan bantuan *one-off* yang tidak menyelesaikan masalah kemiskinan golongan asnaf (Islam et al. 2023), serta membangunkan prosedur dan sistem pemantauan dan penilaian yang efektif (Arwani et al. 2022).

Di samping itu, pelbagai faktor melibatkan mekanisme pengagihan termasuk struktur pengurusan secara sentralisasi berbanding dengan desentralisasi, pendekatan konsumtif berbanding dengan produktif, penggunaan teknologi serta pembangunan dasar, prosedur dan strategi. Model dan kerangka perlu dilaksanakan secara holistik serta dinamik kerana semua elemen tersebut saling berkait dan mempengaruhi kecekapan serta keberkesanan, selain memastikan agihan lebih responsif dalam menangani keperluan sebenar golongan asnaf. Penambahbaikan lain merangkumi kerjasama dan kolaborasi institusi zakat dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta melalui perkongsian kepakaran. Langkah ini bertujuan memaksimumkan impak bantuan serta memastikan program dibangunkan secara komprehensif bagi memenuhi keperluan asnaf (Sudirman et al. 2021). Seterusnya, pembangunan kompetensi dan modal insan pengurusan zakat wajar dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan amil yang dilantik mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan efisien. Kerangka kompetensi serta analisis keperluan latihan wajar dijalankan untuk meningkatkan skil, kemahiran, pengetahuan serta profesionalisme amil zakat (Rahman et al. 2024). Akhir sekali, pembangunan zakat produktif bukan hanya melibatkan program keusahawanan tetapi juga perlu memfokuskan kepada peluang pekerjaan untuk golongan asnaf bagi meningkatkan peratusan mereka keluar daripada kemiskinan.

AGENDA PENYELIDIKAN MASA HADAPAN

Bagi menangani masalah dan tingkah laku negatif golongan asnaf, terdapat pelbagai model intervensi dilaksanakan di peringkat global yang belum pernah diuji dalam pengagihan zakat. Antara yang memberi impak signifikan terhadap pengurangan kadar kemiskinan dan pembangunan modal insan adalah program Bantuan Tunai Bersyarat (*Conditional Cash Transfer, CCT*). CCT merupakan program bantuan kewangan kepada golongan miskin dengan intervensi syarat tingkah laku (*conditionality*) yang mesti dilaksanakan supaya golongan ini terus menerima bantuan. Objektif bersepadu program ini adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan serta membangunkan modal insan. Kedua-dua objektif tersebut seterusnya menyokong matlamat jangka panjang program, iaitu menamatkan kemiskinan antara generasi (Fiszbein et al. 2009). Dimensi syarat tingkah laku yang dibangunkan terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Antara contoh syarat tingkah laku utama adalah menamatkan persekolahan (pendidikan), menghadiri pemeriksaan kesihatan secara berkala (kesihatan) serta wajib berusaha mencari pekerjaan. Program CCT mula dibangunkan oleh negara-negara Amerika Latin seperti Brazil, Chile dan Mexico, dengan pelbagai impak dalam mengubah sikap positif golongan miskin,

mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan modal insan (Miller et al. 2016). Kejayaan tersebut menyebabkan lebih 70 negara di dunia telah mengadaptasi program ini (Lindert et al. 2014).

Sungguhpun program CCT secara umumnya memberi impak positif, sebahagian program CCT tidak menunjukkan kesan atau hanya berkesan dalam jangka masa pendek sahaja (Kitaura et al. 2021). Intervensi tingkah laku dalam program CCT yang dibangunkan berdasarkan Teori Paternalisme menekankan peranan pembuat dasar untuk menentukan perubahan tingkah laku positif yang terbaik bagi golongan miskin (Browning 1992). Bagi memastikan program CCT yang dijalankan melalui mekanisme pengagihan zakat bersifat holistik, memberi impak mampan dan memenuhi elemen Maqasid, dimensi keagamaan wajar diambil kira supaya golongan asnaf diberi kekuatan rohani sebelum terlibat dalam pembangunan bersifat fizikal. Khaldun (1986) menekankan bahawa matlamat utama membentuk tingkah laku positif masyarakat ke arah pembentukan ketamadunan manusia adalah melalui gabungan konsep menyembah Allah dan pembangunan modal insan. Justeru, dimensi keagamaan dalam program CCT dijangka mampu membentuk tingkah laku positif yang mampan kepada golongan asnaf.

Akhir sekali, tiada kajian empirikal yang menguji model program CCT sebagai mekanisme pengagihan zakat. Kajian terdahulu berbentuk konsep dan analisis literatur sahaja yang membincangkan kedua-dua topik ini (Zulkhibri 2016). Oleh itu, mengambil kira jurang tersebut, kajian empirikal untuk menguji kesan program bantuan tunai bersyarat (CCT) terhadap keberkesanan mekanisme pengagihan zakat wajar dilaksanakan.



RAJAH 9. Kerangka agenda penyelidikan masa hadapan

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian literatur sistematik dengan model ADO menyediakan dapatan lepas berkaitan mekanisme pengagihan zakat dengan komprehensif. Secara umumnya, kajian ini membantu penyelidik mengenal pasti jurang dalam literatur mengenai mekanisme pengagihan zakat yang masih kurang diterokai terutamanya melibatkan sikap dan tingkah laku golongan asnaf. Dapatan ini juga membuka ruang kepada pembangunan kerangka konseptual yang lebih kukuh, yang pada masa hadapan boleh diuji dan disahkan melalui data empirikal. Hal ini bukan sahaja memperkukuh asas teori sedia ada, tetapi turut menyediakan landasan bagi penyelidikan lanjutan dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam, syariah, serta sains sosial.

LIMITASI KAJIAN

Seperti sedia maklum, kajian literatur sistematik mekanisme pengagihan zakat dengan model ADO menerangkan berkaitan isu/faktor, keputusan dan keberhasilan kajian. Kajian ini tidak mengkaji hubungan antara pemboleh ubah yang digunakan oleh kajian lepas secara langsung, termasuk pemboleh ubah pengantara dan pemboleh ubah penyederhana. Justeru, penyelidikan pada masa hadapan dicadangkan untuk menguji hubungan-hubungan tersebut dengan menggunakan pendekatan empirikal, bagi menilai sejauh mana mekanisme zakat berfungsi secara lebih menyeluruh serta memberi kesan terhadap pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan asnaf.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini menyediakan tinjauan komprehensif berkaitan mekanisme pengagihan zakat melalui analisis literatur secara sistematik menggunakan model ADO, menjadikannya kajian pertama seumpamanya dalam konteks ini. Dapatan kajian mengenal pasti antededen seperti kemiskinan, krisis, kecekapan, dan keberkesanan, serta keputusan pengagihan yang bersifat konsumtif dan produktif, serta inovasi yang mempengaruhi keberhasilan dari sudut mikro dan makroekonomi. Melalui perbincangan strategik terhadap evolusi pengagihan zakat dari sudut pengkorporatan institusi, pengaplikasian teknologi digital serta inovasi pengagihan zakat, cabaran utama serta hala tuju pengagihan zakat dalam pembasmian kemiskinan, kajian mencadangkan pengurusan zakat perlu diperkasakan dengan memastikan mekanisme pengagihan zakat dilaksanakan dengan beretika, ekonomi, efisien dan efektif. Kajian ini turut mengenal pasti jurang literatur, khususnya berkaitan isu tingkah laku sebagai punca utama berlakunya kemiskinan dalam kalangan asnaf. Bagi menangani jurang tersebut, kajian mencadangkan penyelidikan masa hadapan berfokus kepada pengaplikasian Teori Paternalisme yang ditambah baik dengan dimensi agama dalam program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT). Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang secara signifikan dengan memperkukuh pemahaman tentang evolusi literatur mekanisme pengagihan zakat serta mengenal pasti potensi jurang kajian yang wajar diterokai dalam penyelidikan masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Geran Inisiatif Penyelidikan (EP-2023-076) yang disediakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad, K. & Yahaya, M.H. 2023. Islamic social financing and efficient zakat distribution: Impact of fintech adoption among the asnaf in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing* 14(9): 2253-2284.
- Akmal, I.B., Majid, M.S.A. & Gunawan, E. 2021. Does Zakat matter for human development? An empirical evidence from Indonesia. *Regional Science Inquiry* 12(2): 195-208.
- Ali, A.F.M., Zal, W.A., Hamid, N.A., Anuar, T.F.T., Salleh, H.M. & Rasdi, S.a.M. 2022. The moderating effect of zakāh distribution on the economic well-being of the poor: An analysis in Kelantan, Malaysia. *Journal of King Abdulaziz University, Islamic Economics* 35(5): 75-97.
- Arifin, N. & Anwar, A.Z. 2021. The improvement model of microenterprises of post-disaster through empowerment of productive zakat. *Journal of Governance and Regulation* 10(4): 156-163.
- Arwani, A., Salenus, S., Rahayu, N.W.I., Faiz, M.F., Cakranegara, P.A., Aziz, A. & Andiyan, A. 2022. The development of economic potential of people in pandemic through earning Zakat distribution. *International Journal of Professional Business Review* 7(2): 1-26.
- Azhar, Z., Mydin, M.K.K. & Pitchay, A.A. 2023. Zakat distribution priorities in Malaysia: An Analytic hierarchy process analysis. *Asian Journal of Business and Accounting*: 69-87.
- Azizah, S.N., Salam, A.N. & Arifin, A.Z. 2023. Model design of sociopreneurship: Halal based-development of micro, small and medium enterprises through zakat institutions. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 15(3): 46-63.
- Beik, I.S., Swandaru, R. & Rizkiningsih, P. 2021. Utilization of digital technology for zakat development. *Islamic FinTech: Insights and Solutions*: 231-248.
- Browning, J.L. 1992. *Paternalism: A Search For Acceptable And Applicable Principles Of Intervention*. Illinois Wesleyan University
- Ellany, E.A.L., Rizal, M.P. & Sabri, M.H. 2014. Prestasi kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan di kalangan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2): 51-60.
- Fauziah, F. 2020. Supply chain management of zakat to reduce poverty and improve community welfare (Case study BAZNAS in Serang district). *International Journal of Supply Chain Management* 9(2): 664-668.
- Fiszbein, A. & Schady, N.R. 2009. *Conditional Cash Transfers: Reducing Present and Future Poverty*. World Bank Publications.
- Haddaway, N.R., Macura, B., Whaley, P., & Pullin, A.S. 2018. ROSES RepOrting standards for Systematic Evidence Syntheses: pro forma, flow-diagram and descriptive summary of the plan and conduct of environmental systematic reviews and systematic maps. *Environmental Evidence* 7(1): 1-8.
- Hairunnizam, W. & Sanep, A. 2014. Faktor mempengaruhi tahap keyakinan agihan zakat: Kajian terhadap masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2): 41-50.
- Hairunnizam, W. & Sanep, A. & Radiah, A.K. 2012. Cadangan penyetempatan pengagihan zakat di Malaysia: Adakah amil sudah bersedia? *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46(2): 17-27.
- Hairunnizam, W. & Sanep, A. Ali, M.M.N. & Maryam, A.R. 2017. Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: perbandingan antara majlis agama islam negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51(2): 39-54.
- Hannani, H., Haq, I., Amiruddin, M.M. & Haramain, M. 2023. Zakat for Mama Biang in Maluku, Indonesia: Ulama opinion on Fīṣabilillāh in the perspective of islamic legal anthropology. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 7(2): 830-847.
- Hassan, M.K., Rabbani, M.R. & Abdulla, Y. 2021. Socioeconomic Impact of COVID-19 in MENA region and the Role of Islamic Finance. *International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF)* 4(1): 51-78.
- Herianingrum, S., Widiastuti, T., Hapsari, M.I., Ratnasari, R.T., Firmansyah, F., Hassan, S.A., Febriyanti, A.R., Amalia, R. C. & Muzakki, L. A. 2024. Muzakki and Mustahik's collaboration model for strengthening the fundraising capacity of Islamic social finance institutions during COVID-19. *International Journal of Ethics and Systems* 40(1): 175-188.
- Herjanto, H., Amin, M., & Karmagatri, M. 2023. A systematic review on halal cosmetic consumption: Application of theory method context–attributes decision outcome framework. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 14(1): 148-163.
- Hidayatullah, A. & Priantina, A. 2018. *Toward zakat management integration in Indonesia: problems and solution*. Syarif Hidayatullah State Islamic University Jakarta.
- Hulwati, H., Andespa, R., Mujiono, S. & Syofyan, A. 2024. Zakat for Humanity in Disaster Mitigation. *Planning* 19(5): 1929-1939.
- Hussain, S. 2021. Tamlik-proper to Quasi-tamlik: Unconditional Cash Transfer (UCT) of zakat money, empowering the poor and contemporary modes of distributing zakat money with special reference to british muslim charities. *Journal of Muslim Minority Affairs* 41(1): 179-201.

- Ibadi, N. & Hardi, E. A. 2022. Is Human Trafficking's Victim Receive Zakat as Riqab?: Zakat Distribution at East Java Philanthropic Organizations. *Al-Risalah: Forum Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan*: 1-17.
- Islam, M.K., Mitu, S.T., Munshi, R. & Khanam, R. 2023. Perceptions about the common malpractice of Zakat paying in Bangladesh during Covid-19 pandemic: evidence from the supply side. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 14(3): 361-378.
- Jaafar, N. 2023. Sanggup menipu untuk dapat bantuan zakat. *Sinar Harian*,
- Jawhar. 2024. Statistik Agihan Zakat Bagi Negeri (Sabah). https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_agihan_tahun.php?kod_negeri=12&negeri=SABAH(akses 12 September 2024).
- Jawhar. 2024. Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeri. https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_agihan_stat.php (akses 10 September 2024).
- Khaldun, I. 1986. Muqaddimah. *Translated by Ahmadie Thoha* 12.
- Khasanah, K. & Sobirin, M. 2023. Distributing philanthropic funds to Indonesian Muslims amid the pandemic through a mas'alah view: Weaving social safety nets or fortifying the healthcare system? *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*: 263-274.
- Kitaura, K. & Miyazawa, K. 2021. Inequality and conditionality in cash transfers: Demographic transition and economic development. *Economic Modelling* 94: 276-287.
- Lindert, K. & Core, N. 2014. Conditional Cash Transfers (CCTs). *World Bank Social Safety Net*. Available: www.worldbank.org/content/dam/Worldbank/Event/social-protection/Lindert
- Lockwood, C., Munn, Z., & Porritt, K. 2015. Qualitative research synthesis: Methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *JBIM Evidence Implementation* 13(3): 179-187.
- Maghfirah, M. 2020. Zakat management and poverty alleviation in Indonesia. *Jurisdictie: Jurnal Hukum Dan Syariah* 11(2): 286-313.
- Maiwp. 2021. Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Maiwp.
- Malaysia, J.a.N. 2021. Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW). PPIBZW Pembentangan Penyata Kewangan. Putrajaya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Miller, C., Miller, R., Verma, N., Dechausay, N., Yang, E., Rudd, T., Rodriguez, J. & Honig, S. 2016. Effects of a modified conditional cash transfer program in two American cities: Findings from Family Rewards 2.0. *New York: MDRC*, September
- Mohd Afandi, M. & Najahudin, L. 2022. Analisis kualiti item menilai program usahawan asnaf di wilayah persekutuan menggunakan model rasch: Analyzing the quality of the federal territory–asnaf entrepreneur program assessment using the rasch model. *Global Journal Al-Thaqafah*: 133-142.
- Mohd Zahid, E.S. & Razali, M. 2021. Peranan lembaga zakat selangor terhadap pembangunan insan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin. *Global Journal Al-Thaqafah*.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. & Group, P. 2010. Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *International journal of surgery* 8(5): 336-341.
- Mursal, M., Ritonga, M., Sartika, F., Lahmi, A., Nurdianto, T. & Alam, L. 2023. Retracted article: The contribution of Amil Zakat, Infaq and Shadaqah Muhammadiyah (LAZISMU) institutions in handling the impact of Covid-19. *Journal of Sustainable Finance & Investment* 13(1): 118-124.
- Nur Fatin, R.A., Ali, M.N.M. & Hairunnizam, W. 2020. Peningkatan Kemiskinan: Peranan Had Kifayah dalam Bantuan Zakat. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 54(3): 41-58.
- Othman, Y.H., Yusuff, M.S.S. & Moawad, A.M.K. 2021. Analyzing zakat as a social finance instrument to help achieve the sustainable development goals in Kedah. *Studies of Applied Economics* 39(10): 1-8.
- Page, M.J., McKenzie, J.E., Bossuyt, P.M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... & Moher, D. 2021. The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ* 372 (71):1-7.
- Paul, J. & Benito, G.R. 2018. A review of research on outward foreign direct investment from emerging countries, including China: What do we know, how do we know and where should we be heading? *Asia Pacific Business Review* 24(1): 90-115.
- Paul, J., Khatri, P. & Kaur Duggal, H. 2023. Frameworks for developing impactful systematic literature reviews and theory building: What, why and how? *Journal of Decision Systems* 1-14.
- Petticrew, M., & Roberts, H. 2008. *Systematic Reviews in The Social Sciences: A Practical Guide*. John Wiley & Sons.
- Prennushi, G., Rubio, G. & Subbarao, K. 2002. Monitoring and evaluation. *A sourcebook for poverty reduction strategies* 107-130.
- Qudah, M.R.M., Munir, A.R., Sobarsyah, M. & Sabbar, S.D. 2022. The role of zakat, Islamic human development, and government support on the economic growth in Jordan. *Cuadernos de Economía* 45(128): 157-164.
- Rahman, A.A., Rafiki, A., Syahrial, H. & Tobing, F. 2024. Professionalism and competency of amil zakat in Malaysia and Indonesia: Strategies for sustainability. In *Strategic Islamic Business and Management: Solutions for Sustainability*. 269-283. Springer.
- Razak, S.H.A. 2020. Zakat and waqf as instrument of Islamic wealth in poverty alleviation and redistribution: Case of Malaysia. *International Journal of Sociology and Social Policy* 40(3/4): 249-266.

- Rini, R., Fatimah, F. & Ari, P. 2020. Zakat and poverty: An Indonesian experience. *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 10(11): 759-770.
- Riyanto, S., Nizar, M. & Herningtyas, R. 202. Muslim's philanthropy in Singapore and the role of government. *Sociología y tecnociencia* 11(2): 194-214.
- Rohani, A., G, Ahmad Shukri, A.H., Sharifah, I., Zulhimi, P., & Haslinda, H. 2022. A proposal for " value innovation" framework based on the blue ocean strategy: The case of Kedah State Zakat Board and Malaysia Hajj Pilgrims Fund Board. *BiLD Law Journal* 7(1): 37-46
- Roziq, A., Yulinartati, Y. & Yuliarti, N.C. 2022. Model of productive islamic social fund management for poor empowerment. *International Journal of Professional Business Review: International Journal Professional Business Review* 7(5): 1-16.
- Sa'adon, N.I., Ibrahim, R., Rahim, M.A. & Ambali, A.R. 2012. Good governance in zakat distribution: Perceptions of zakat recipients at Kota Tinggi, Johor. *2012 IEEE Symposium on Business, Engineering and Industrial Applications*. 619-624.
- Saad, M.Z.M., Ibrahim, M. & Othman, Z. 2023. Memperkasa inovasi pengurusan bantuan makanan dengan menggunakan aplikasi zakat on touch (ZOT) dalam kalangan penolong amil kedah: Isu dan cabaran. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*: 155-174.
- Santoso, I.R., Mallongi, S. & Paly, M.B. 2024. Mediating effects of islamic business success on productive zakat and Mustahiq welfare. *International Journal of Business and Society* 25(1): 111-127.
- Saputra, S. & Tanjung, Y. 2024. Enhancing Sustainability through Agricultural zakāt-based philanthropy movement: A comprehensive study on social welfare capital. *Journal of Islamic Thought and Civilization* 14(1): 231-246.
- Shaffril, H.a.M., Samah, A.A. & Kamarudin, S. 2021. Speaking of the devil: A systematic literature review on community preparedness for earthquakes. *Natural hazards* 108(3): 2393-2419.
- Singh, R., Aggarwal, S. & Sahni, S. 2023. A systematic literature review of work-life balance using ADO model. *FIIIB Business Review* 12(3): 243-258.
- Sudirman, S., Ramadhita, R. & Bachri, S. 2021. Revitalizing productive zakat in the Covid-19 pandemic era in East Java. *Jurisdictie: Jurnal Hukum Dan Syariah* 12(2): 275-293.
- Suffian, M.E.M., Ali, M.N.M. & Hairunnizam, W. 2018. Cadangan kodifikasi akta zakat nasional dan penubuhan majlis zakat negara (Proposal on codification of the national zakat act and the establishment of the national zakat council). *Jurnal Ekonomi Malaysia* 52(1): 153-165.
- Suffian, M.E.M., Fazni, W.M.N.W.N. & Hayy, M.A.H. 2023 Ketidakseimbangan agihan zakat antara negeri-negeri di Malaysia: Solusi Merentasi sempadan lokaliti. *4th International Halal Management Conference*. 47-51.
- Suffian, M.E.M., Hairunnizam, W. & Salmay, Y.E. 2025. Asnaf development outcome: A systematic literature review and logic model development. *SAGE Open* 15(3): 1-20.
- Sukmana, H.T., Lestiani, D., Anggraeni, N. & Soetarno, D. 2017. The prototype of zakat management system in Indonesia by using the social society approach: A case study. *2017 5th International Conference on Cyber and IT Service Management*. 1-4.
- Wijayanti, I. & Ryandono, M.N.H. 2020. Zakat institutions' mustahiq transformation in developing countries: Comparison study. *Opcion* 36(S26): 350-366.
- Wong, G., Greenhalgh, T., Westhorp, G., Buckingham, J., & Pawson, R. 2013. RAMESES publication standards: Realist syntheses. *BMC medicine* 11(1): 1-14.
- Yusup, D.K., Sobana, D.H. & Fachrurazy, F. 2021. The effectiveness of zakat distribution at the national zakat agency. *Al-Adalah* 18(1): 55-76.
- Zahid, E.S.B.M. & Razali, M.B. 2020. Peranan Lembaga Zakat Selangor terhadap pembangunan insan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin. *Global Journal Al-Thaqafah*: 57-72.
- Zahri, M.A., Adnan, N.I.M., Irfan, I. & Kashim, M.I.a.M. 2023. Microfinancing from the zakat fund in baitul mal Aceh and the readiness of Malaysia's asnaf entrepreneurs. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 7(1): 418-430.
- Zainuddin, M., Zulyadi, T., Husna, N. & Drani, S. 2020. The assistance model of the baitul mal in promoting the community of home industry. *International Journal of Criminology and Sociology* 9: 357-364.
- Zulhibri, M. 2016. The relevance of conditional cash transfers in developing economy: The case of Muslim countries. *International Journal of Social Economics* 43(12): 1513-1538.
- Zulkifli, M F., Taha, R., Mohd Nor, M.N. & Ali, A. 2021. Combating poverty in Malaysia: The role of zakat. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business* 8(5): 505-513.

Mohd Suffian Mohamed Esa
 Institut Islam Hadhari
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: suffianesa@gmail.com

Hairunnizam Wahid
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: hairun@ukm.edu.my

Salmy Edawati Yaacob
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: salmy1001@ukm.edu.my

*Penulis koresponden